



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/35 (HQ)

### TNB BELANJA RM273 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ELEKTRIK DI NEGERI KELANTAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM273 juta pada Tahun Kewangan semasa (TK 2014/2015), bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan mempertingkat dan memperkuuhkan pelaburan di negeri tersebut.

Pengurus Besar Negeri (Kelantan), Bahagian Pembahagian TNB, Y. Bhg. Haji Ir. Mohd. Yuslan Mohd Yusof berkata perbelanjaan tersebut adalah bagi menyediakan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang dalam memastikan bekalan elektrik adalah sentiasa pada tahap berdaya harap yang tinggi di negeri ini.

“Sebanyak hampir RM1 juta daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi menjalankan projek Bazar Tok Wan Mat (Pasaraya Pantai Timur & Bazar Sebelah Pantai Timur). TNB sentiasa mengambil kira perancangan pembangunan oleh Kerajaan Negeri dan akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik para pelabur asing ke negeri ini,” kata Haji Ir. Mohd. Yuslan.

Tambah beliau, TNB komited meningkatkan kecekapanan perkhidmatan dengan memberikan “*service delivery*” yang pantas dan efisien serta sentiasa berusaha memastikan ganguan bekalan elektrik dapat dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Bunga, YB Dato’ Mohd Adhan Kechik, Ketua Kawasan, Suruhanjaya Tenaga Negeri Kelantan/Terengganu, Hjh. Nora Ab. Ghani, dan Pengurus Besar (Stesen Janaelektrik Pergau) Bahagian Penjanaan TNB, Wan Mohd Azri Mustapha.

Program Bersama Komuniti, dahulunya dikenali sebagai Program Bersama Pemimpin Komuniti mula dilaksanakan pada tahun 2005. Ia menjadi platform kepada TNB untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi hariannya dan berdialog secara terbuka dengan matlamat memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat.

**Dikeluarkan di Jeli, Kelantan, pada 23 Mac 2015**

Sila ajukan sebarang pertanyaan media kepada MAzmi Yusoff 019-919 2446 / Raja Mohd Aman Shah 019-216 8687